KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	11/11/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	JMG			

'Kejadian kepala air paling teruk'

Jitra: "Ini kejadian kepala air paling teruk hinggakan air naik sampai ke kawasan tempat perkelahan di Surau Batu Sungai Changlun," kata Wan Azlan Wan Rozali, 27.

Beliau yang mengendalikan aktiviti kenderaan lasak pelbagai bentuk permukaan bumi (ATV), berkata kejadian pertama fenomena kepala air adalah minggu lalu, namun hanya di kawasan sungai dan tidak menyebabkan banjir.

"Saya hanya tahu ada mangsa terperangkap di sini selepas dimaklumkan rakan yang ternampak kejadian tular melalui Facebook. Saya terus beri bantuan kepada pasukan bomba dengan membawa mereka masuk menggunakan ATV milik saya ke kawasan ini.

"Ini kerana jentera atau kenderaan bomba tidak boleh masuk berikutan jalan sempit," katanya ketika ditemui di lokasi perkhemahan Surau Batu Sungai Changlun, di sini, malam kelmarin.

Wan Azlan berkata, sebelum kejadian, beliau sedang berehat di kawasan tapak ATV tidak jauh dari kawasan perkhemahan itu.

"Berdasarkan cerita mangsa, mereka akui sangat cemas dan panik kerana tidak pernah alami kejadian seperti ini," katanya.

